

Syarahan umum antarabangsa bincang kejuruteraan perniagaan



Dalam meningkatkan pengetahuan mengenai bidang kejuruteraan perniagaan di Malaysia, Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai sebuah universiti berteraskan teknologi menganjurkan syarahan umum antarabangsa bertajuk *“The Convergence: Business Engineering”* yang disampaikan Presiden Reutlingen University (RU), Profesor Dr. Hendrik Brumme.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, program syarahan umum ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil UMP bagi mempelbagaikan program akademik dengan memasukkan elemen perniagaan dan teknikal yang relevan bagi menyokong program yang berteraskan kejuruteraan.

“Hasil perbincangan dengan industri menunjukkan keperluan yang semakin meningkat bagi jurutera untuk memahami realiti dan pelbagai elemen menjalankan perniagaan yang berjaya.

“Malahan, wujud keperluan yang semakin meningkat bagi eksekutif perniagaan untuk mampu memahami faktor-faktor yang

mempengaruhi reka bentuk dan ciptaan yang berjaya,” katanya ketika berucap di majlis berkenaan yang diadakan di Dewan Za’ba Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya pada 21 Februari 2013 yang lalu.

Tambah beliau lagi, universiti berperanan untuk melihat kepada keperluan industri bagi menyediakan bakal jurutera yang berpengetahuan dalam kedua-dua bidang bidang perniagaan dan kejuruteraan.

Bersempena dengan syarahan itu juga turut menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang akademik dan penyelidikan termasuk penawaran Program Ijazah Dwi Kejuruteraan Perniagaan antara UMP dengan RU.

UMP diwakili Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato’ Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz manakala mewakili Reutlingen University (RU), Presidennya, Profesor Dr. Hendrik Brumme dan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Dr. Baldur Veit. Majlis disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi,

Dato’ Ab Rahim Mohd Nor dan Duta Jerman di Malaysia, Dr. Gunther Gruber.

Sementara itu, Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Dr. Abdullah Ibrahim berkata, program ini adalah unik dan berbeza daripada program kejuruteraan konvensional yang berasaskan sains di mana ianya memberi penekanan terhadap pengurusan perniagaan dan pengetahuan kejuruteraan.

“Pelajar yang mendaftar dalam program ini di UMP akan mempunyai pilihan untuk belajar selama tiga semester di Reutlingen universiti di Jerman, manakala pelajar-pelajar universiti dari Reutlingen akan mempunyai pilihan untuk belajar selama empat semester di UMP,” katanya.

Lebih 400 orang di kalangan industri, ahli akademik, wakil IPT, agensi kerajaan dan mahasiswa universiti hadir untuk berkongsi pengalaman dalam program ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Dato’ Dr. Rujhan Mustafa dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd Yunus.